

# FAKTOR PENYUMBANG PENGUASAAN MAHARAT AL-QURAN DALAM KALANGAN PELAJAR DI SEKOLAH MENENGAH AGAMA PERSEKUTUAN BENTONG

Mohammad Aiman Farid Abd Razak<sup>1</sup>  
Muhamad Fadlly Ismail<sup>2</sup>

**Abstrak:** Rentetan penerimaan masyarakat terhadap sistem pengajian al-Qur'an, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melancarkan program Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) disekolah-sekolah kerajaan secara berperingkat. Program TMUA ini menawarkan dua mata pelajaran bawah Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) iaitu Hifz al-Qur'an dan Maharat al-Qur'an. Namun begitu, hasil keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menunjukkan pencapaian mata pelajaran Maharat al-Qur'an tidak cemerlang berbanding Hifz al-Qur'an. Oleh itu, objektif kajian ini adalah mengkaji tahap penguasaan Maharat al-Qur'an dalam kalangan pelajar di Sekolah Menengah Agama Persekutuan Bentong, apakah faktor yang menyumbang dan sejauh mana faktortersebut mempengaruhi penguasaan Maharat al-Qur'an dalam kalangan pelajar. Pengkaji menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan (survey) melibatkan pungutan dan analisis data secara deskriptif dan inferensi. Pengkaji menggunakan intrumen soal selidik dalam mendapatkan data kajian yang mana nilai kebolehppercayaan instrumen adalah  $\alpha = 0.84$ . Jumlah populasi yang terlibat adalah seramai 132 orang pelajar tingkatan 5 tahun 2019 dan pengkaji memilih persampelan rawak berstrata serta merujuk penetapan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970) bagi menentukan saiz sampel yang perlu diambil. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) untuk mendapatkan kekerapan, peratusan dan min. Hasil kajian mendapati tahap penguasaan pelajar bagi komponen Tila>wah sahaja pada tahap yang baik manakala komponen lain seperti Tajwid, Rasm Uthmani, Manhaj dan Amali Qiraat pada tahap sederhana. Hasil kajian juga mendapati daripada tiga faktor yang dikaji, hanya faktor kemampuan Bahasa Arab dan faktor peranan ibu bapa menunjukkan hubungan yang signifikan ( $p < 0.05$ ) terhadap penguasaan Maharat al-Qur'an dalam kalangan pelajar manakala faktor kualiti pengajaran guru tidak menunjukkan hubungan yang signifikan. Selain itu, hasil kajian mendapati daripada tiga faktor yang dinyatakan, faktor peranan ibu bapa paling kuat ( $\beta = 0.32$ ) mempengaruhi penguasaan mata pelajaran Maharat al-Qur'an dalam kalangan pelajar. Kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan kepada pihak berautoriti, pelaksana dan pengkaji lain dalam menambah baik program TMUA dalam pendidikan negara.

**Kata Kunci:** Faktor Penyumbang, Penguasaan Pelajar, Mata Pelajaran Maharat al-Quran

## Pengenalan

Pengajian al-Qur'an merupakan pendidikan yang terawal diterapkan kepada penganutnya dalam sejarah Islam. Pengajian al-Qur'an ini telah berkembang sejak zaman penurunannya sehingga ke hari ini seiring dengan bercambahnya ilmu-ilmu berkaitan al-Qur'an. Di Malaysia, pengajian al-Qur'an khususnya bidang tahfiz semakin mendapat perhatian masyarakat. Buktinya, kemunculan institusi-institusi pengajian tahfiz swasta sebagai cendawan yang tumbuh selepas hujan semakin merancakkan perkembangan pendidikan tanah air. Para ibu bapa semakin yakin untuk menghantarkan anak-anak untuk mempelajari bidang al-Qur'an yang menyepadukan pengajian akademik, pendidikan agama dan pendidikan tahfiz (Nawi & Salleh, 2017). Sistem pengajian sebegini telah menjadi senario baru dalam dunia pendidikan di Malaysia (Simon, 2005).

Perkembangan sistem pengajian al-Qur'an ini telah mendapat perhatian daripada pihak kerajaan

sementelah ia menjadi pilihan masyarakat Malaysia kini. Pada peringkat pendidikan menengah, program *Ulul Albab* telah diperkenalkan di Sekolah Menengah Imtiaz Yayasan Terengganu dalam usaha mengintegrasikan pendidikan *al-Quran* dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) di Terengganu (Mohamed, 2012). Langkah ini disambut oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang telah melaksanakan program *Ulul Albab* di empat buah Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) dengan menggabungkan pengajian sains, pengajian agama dan pengajiantahfiz (Arshad, 2015).

Rentetan penerimaan masyarakat yang menggalakkan terhadap dasar pengajian *al-Quran* ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melancarkan program Tahfiz Model *Ulul Albab* (TMUA) secara berperingkat di empat buah Sekolah Berasrama Penuh (SBP) serta 11 buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) bermula tahun 2014 dan ditambah dari masa kemasa (Yusoff et al., 2016).

## Latar Belakang Masalah

Program TMUA ini menggabungkan Kurikulum Kebangsaan, KBT dan kokurikulum dengan menggunakan pendekatan Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik. Quranik adalah menfokuskan pendekatan menghafal 30 *Juz al-Qur'an* dan memahami tuntutannya berdasarkan konsep baca, ingat, faham, fikir, amal dan sebar (BIFFAS) sepanjang 5 tahun pembelajaran. Ensiklopedik pula pendekatan menyediakan pelajar dalam menguasai pelbagai ilmu dan bahasa, berkemahiran tinggi, boleh menjadi pakar rujuk kepada rakan sebaya. Manakala Ijtihadik merupakan pendekatan melahirkan pelajar yang berkeupayaan memberikan pandangan dalam menyelesaikan masalah, memaksimumkan keupayaan berfikir aras tinggi, kreatif dan inovatif.

Program TMUA ini menawarkan dua mata pelajaran bawah KBT iaitu *Hifz al-Qur'an* dan *Maharat al-Qur'an* sebagai tambahan kepada mata pelajaran sedia ada di sekolah terlibat (BPI, 2015). *Hifz al-Qur'an* adalah mata pelajaran yang menfokuskan kemahiran menghafal 30 *Juz al-Qur'an* merangkumi aktiviti *tahriri* hafalan, hafalan baru, *tahdir*, *tasmi'*, *muraja'ah*, dan *fiqh al-ayat*. Manakala *Maharat al-Qur'an* menfokuskan kepada kemahiran membaca *al-Qur'an*. Terdapat beberapa komponen dalam mata pelajaran *Maharat al-Qur'an* seperti *Tilawah*, *Tajwid*, *Adab al-Qur'an*, *Manhaj Qiraat*, *Amali Qiraat* dan *Rasm Uthmani*. Komponen-komponen ini di disesuaikan mengikut tingkatan dan tahap yang telah ditetapkan (BPI, 2015).

## Pernyataan Masalah

Merujuk LPM (2018), analisis keputusan SPM peringkat nasional bagi tahun 2018 menunjukkan Gred Purata Nasional (GPN) bagi mata pelajaran *Maharat al-Qur'an* adalah 3.16 (Baik) berbanding mata pelajaran *Hifz al-Qur'an* adalah 1.71 (Cemerlang) iaitu perbezaan Gred Purata

1.45. Pengkaji menganalisis secara umum bagi kedua-dua mata pelajaran di bawah KBT ini dan mendapati terdapat perbezaan yang ketara dalam mengukur tahap penguasaan pelajar terhadap mata pelajaran tersebut. Mata pelajaran *Hifz al-Qur'an* berada pada tahap pencapaian cemerlang manakala mata pelajaran *Maharat al-Qur'an* berada pada tahap baik.

Tahun berikutnya iaitu 2019, laporan peperiksaan SPM peringkat nasional menunjukkan pola perbezaan yang sama. Mata pelajaran *Maharat al-Qur'an* mencatatkan GPN 3.00 (Baik) manakala mata pelajaran *Hifz al-Qur'an* mencatatkan GPN 1.83 (Cemerlang) iaitu jurang perbezaan sekitar 1.17 mata perpuluhan (LPM, 2019). Walaupun mata pelajaran *Maharat al-Qur'an* berjaya menurunkan gred purata iaitu 0.16 berbanding tahun 2018 namun terdapat jurang yang jelas bagi penguasaan pelajar

terhadap dua mata pelajaran ini.

Tahun 2020, laporan analisis keputusan SPM bagi kedua-dua mata pelajaran ini menunjukkan mata pelajaran *Maharat al-Qur'an* memperoleh GPN 2.94 (Baik) manakala mata pelajaran *Hifz al-Qur'an* memperoleh GPN 1.93 (Cemerlang) iaitu jurang perbezaan antara kedua-dua mata pelajaran ini adalah 1.01 mata perpuluhan (LPM, 2020). Pengkaji bersetuju terdapat peningkatan yang positif bagi mata pelajaran *Maharat al-Qur'an* namun jurang perbezaan antara dua mata pelajaran ini masih ketara pada tahun 2020.

Tahun 2021, laporan analisis keputusan SPM peringkat nasional menunjukkan matapelajaran *Maharat al-Qur'an* memperoleh GPN 2.98 (Baik) manakala mata pelajaran *Hifz al-Qur'an* memperoleh GPN 1.71 (Cemerlang) iaitu jurang perbezaan antara kedua-dua mata pelajaran ini adalah 1.27 mata perpuluhan (LPM, 2021). Pada tahun ini, mata *Maharat al-Qur'an* telah mengalami penurunan berbanding mata pelajaran *Hifz al-Qur'an* telah mengalami peningkatan yang positif di samping jurang perbezaan antara kedua mata pelajaran ini masih ketara.

**Jadual 1:** Analisa Keputusan SPM 2018-2020 Bagi Mata Pelajaran KBT

Keputusan SPM	<i>Maharat al-Qur'an</i>	<i>Hifz al-Qur'an</i>	Jurang Perbezaan
2018	3.16 (Baik)	1.45 (Cemerlang)	1.71
2019	3.00 (Baik)	1.83 (Cemerlang)	1.17
2020	2.94 (Baik)	1.93 (Cemerlang)	1.01
2021	2.98 (Baik)	1.71 (Cemerlang)	1.27

## Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif yang ditetapkan dalam kajian ini iaitu;

1. Mengkaji tahap penguasaan mata pelajaran *Maharat al-Qur'an* dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama Persekutuan Bentong.
2. Mengkaji faktor penyumbang penguasaan pelajar bagi mata pelajaran *Maharat al-Qur'an* dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama Persekutuan Bentong.
3. Menganalisis sejauh mana faktor penyumbang yang mempengaruhi penguasaan pelajar bagi mata pelajaran *Maharat al-Qur'an* dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama Persekutuan Bentong.

## Persoalan Kajian

Terdapat beberapa persoalan yang perlu dijawab melalui kajian ini iaitu;

1. Apakah tahap penguasaan mata pelajaran *Maharat al-Qur'an* dalam kalangan pelajar di Sekolah Menengah Agama Persekutuan Bentong?

Apakah faktor penyumbang penguasaan pelajar bagi mata pelajaran *Maharat al-Qur'an*

dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama Persekutuan Bentong?

2. Sejauh manakah faktor penyumbang mempengaruhi penguasaan pelajar bagi matapelajaran *Maharat al-Qur'an* dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama Persekutuan Bentong?

## Hipotesis Kajian

Hipotesis adalah satu kenyataan yang dibuat untuk menunjukkan sama ada terdapat korelasi antara pemboleh ubah atau tidak dalam sesebuah penyelidikan (Long, 2016). Andaian awal ini perlu untuk menyatakan hubungan antara punca dengan masalah dan seterusnya dibuktikan melalui ujian bagi menerima atau menolak sesuatu teori atau konsep (Mohamed Berawi, 2017). Pengkaji mengemukakan tiga hipotesis untuk diuji dalam kajian ini seperti berikut:

H1: Terdapat hubungan positif antara kemampuan Bahasa Arab dengan penguasaan matapelajaran *Maharat al-Qur'an*.

H2: Terdapat hubungan positif antara kualiti pengajaran guru dengan penguasaan matapelajaran *Maharat al-Qur'an*.

H3: Terdapat hubungan positif antara peranan ibu bapa dengan penguasaan mata pelajaran *Maharat al-Qur'an*.

### **Kajian Literasi**

Kajian berkaitan program Tahfiz Model *Ulul Alba>b* (TMUA) bukanlah satu kajian yang baru. Bahkan banyak kajian berkaitan kurikulum tahfiz di Malaysia ini telah dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji lain. Kajian mereka ini penting dalam menyokong kajian yang ingin dilaksanakan oleh pengkaji agar penilaian yang dibuat berpandukan sudut pandang yang luas.

Menurut Yusoff et al. (2016) sistem pendidikan tahfiz di Malaysia ini telah mencapai satu standard yang tinggi sebaris dengan sistem pendidikan yang lain. Hal ini kerana wujudkan kurikulum seperti Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) yang telah disepadukan dengan kurikulum arus perdana telah berjaya membuka mata masyarakat Malaysia tentang kelebihan pendidikan tahfiz ini. Langkah kerajaan yang proaktif dalam memperkenalkan program TMUA terbukti tepat dan memenuhi keperluan semasa lantaran perhatian masyarakat kini telah beralih kepada bidang pendidikan tahfiz (Yusoff et al., 2016). Namun begitu, terdapat keperluan dalam menilai keberkesanan sesuatu program atau dasar yang dilaksanakan agar penambahbaikan dan intervensi yang sesuai dapat diambil.

Menurut Haron et al. (2019), beliau mengatakan terdapat keperluan menilai keberkesanan pelaksanaan program TMUA ini dari pelbagai aspek seperti aspek konteks agar dapat menambahbaik pelaksanaan sedia ada di sekolah menengah yang terlibat. Hal ini bagi melihat sejauh mana objektif program ini dapat dicapai dalam melahirkan pelajar yang menguasai bidang Quranik, Ijtihadik dan Ensiklopedik. Misalnya, hasil dapatan menunjukkan objektif program TMUA tidak dapat dicapai sepenuhnya kerana guru hanya memberikan tumpuan kepada bidang Quranik sahaja (Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Negeri Perlis, 2017). Terdapat kelemahan Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) bagi mata pelajaran *Hifz al-Qur'an* dan *Maharat al-Qur'an* dalam memaksimumkan keupayaan berfikir, kebolehan berfikir kreatif dan kebolehan memberi pandangan dalam menyelesaikan masalah. Hal ini kerana para pelajar tidak didorong ke arah kemahiran tinggi (Jahidin & Mat, 2011). Kelemahan ini berpunca daripada guru yang menfokuskan kepada hafazan pelajar dan kemahiran seperti *Tilawah*, *Tajwid*, *Adab al-Qur'an*, *Manhaj Qiraat*, *Amali Qiraat* dan *Rasm Uthmani* tanpa mengaitkan secara bersepadu antara ilmu yang dipelajari dengan kehidupan seharian (Haron et al., 2019).

Selain itu, aspek input yang merangkumi kandungan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), Bahan Bantu Mengajar (BBM) dan peruntukan masa juga wajar diberikan perhatian (Haron et al., 2019). Menurut Hashim & Tamuri (2012), dapatan kajian mengatakan bahawa peruntukan masa bagi kaedah talaqqi dan musyafahah masih tidak mencukupi dan tidak mencapai tahap yang dikehendaki. Hal ini sudah tentu akan memberi kesan kepada penguasaan pelajar dalam menguasai kemahiran-kemahiran berkaitan kandungan kurikulum yang sepatutnya diajar. Selain itu, dapatan

Pemeriksaan Penarafan Pelaksanaan Tahfiz Model *Ulul Alba>b* (TMUA) di SMKA Kedah melaporkan bahawa PdPc berkaitan *Fiqh Ayat* tidak dilaksanakan secara konsisten dan tekal seperti yang terdapat dalam kandungan kurikulum TMUA (Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Negeri Perlis, 2017). Oleh itu, kesan daripada perkara ini sudah tentu dapat dilihat pada tahap penguasaan pelajar dalam penilaian dan pentaksiran yang telah dibuat.

Menurut Haron et al. (2019) lagi, aspek proses seperti teknik dan kaedah PdPc, penggunaan BBM dalam PdPc dan kaedah penilaian juga turut memberi kesan langsung kepada keberkesanan kurikulum ini. Dapatan kajian mengatakan bahawa guru TMUA masih menggunakan pendekatan tradisional (Daud, 2015) dan kurang berinovasi (Rahim & Hashim, 2017) ketika melaksanakan PdPc di dalam kelas. Selain itu, dapatan Pemeriksaan Penarafan Pelaksanaan Tahfiz Model *Ulul Alba>b* (TMUA) di SMKA Kedah mendapati kelemahan guru dalam menjayakan pembelajaran aktif ketika PdPc dan hasil pencerapan PdPc terhadap 10 orang guru mendapati tahap skor hanya 69.48% iaitu pada tahap sederhana (Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Negeri Perlis, 2017). Hal ini boleh memberi kesan kepada penguasaan pelajar terhadap pembelajaran dan jika dibiarkan akan bertambah parah.

Di samping itu, menurut kajian Arshad (2015) mengenai pelaksanaan program *Ulul Alba>b* di tiga institusi kelolaan Yayasan Terengganu, MARA dan KPM yang menganalisis sejarah penubuhan, pelaksanaan, model kurikulum, keunikan dan keberkesanan program *Ulul Alba>b*. Dapatan kajian menyatakan bahawa program ini terbukti berkesan dan telah mencapai objektif yang diharapkan oleh pihak berkepentingan. Namun begitu terdapat cadangan penambahbaikan dari aspek penerapan elemen kemahiran berfikir aras tinggi, integrasi antara ilmu *naqli* dan *'aqli* dan kualiti guru perlu diberikan perhatian.

Kesimpulannya, kajian-kajian yang telah dijalankan ini dapat membantu pengkaji dalam membuat analisis awal berkaitan fokus kajian iaitu program TMUA yang dijalankan di sekolah-sekolah KPM. Pelbagai isu dan cadangan telah dikemukakan oleh kajian-kajian tersebut dan dapatan kajian ini dijadikan asas dan rujukan dalam membahaskan permasalahan kajian pengkaji ini.


## **Teori Kajian**

Pengkaji menggunakan Teori Walberg (1984) dalam mengenalpasti faktor-faktor yang menyumbang penguasaan mata pelajaran *Maha>rit al-Qur'a>n* dalam kalangan pelajar di Sekolah Menengah Agama Persekutuan Bentong. Teori ini telah menggariskan sembilan faktor yang mempengaruhi tahap kesediaan kognitif, afektif dan tingkah laku seseorang terhadap pembelajaran. Sembilan faktor ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama seperti berikut:

1. Kebolehan atau kecerdasan (*aptitude*)
  - i. Kemampuan pelajar atau pencapaian terdahulu (*student ability or prior achievement*).
  - ii. Umur dan tahap kematangan (*development as indexed by stage of maturation*).
  - iii. Motivasi atau self-concept
2. Pengajaran (*instruction*)
  - iv. Jumlah masa pembelajaran
  - v. Kualiti pengajaran
3. Faktor Persekitaran
  - vi. Persekitaran tempat tinggal
  - vii. Iklim sosial di dalam kelas
  - viii. Rakan sebaya di luar sekolah
  - ix. Media massa seperti televisyen

Pengkaji memilih satu faktor bagi setiap tiga faktor utama yang mempengaruhi tahap kesediaan kognitif, afektif dan tingkah laku seseorang terhadap pembelajaran. Pengkaji akan menggunakan tiga faktor utama ini dalam kajian pengkaji iaitu kemampuan pelajar dalam penguasaan Bahasa Arab, kualiti pengajaran guru, dan faktor persekitaran iaitu faktor peranan ibubapa.

**Rajah 1:** Teori Produktiviti Pendidikan Walberg (1984)



**Metodologi Kajian**

**Reka Bentuk Kajian**

Metodologi merupakan satu set kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian terhadap satu subjek kajian yang tertentu (Hornby, 2000). Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kuantitatif dalam menjalankan kajian ini kerana pendekatan ini lebih sesuai dalam menyelesaikan sesuatu masalah (Mohamed Berawi, 2017). Pendekatan ini menggunakan kaedah tinjauan (*survey*) melibatkan pungutan data dan analisis secara deskriptif inferensi.

**Lokasi Kajian**

Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Agama Persekutuan Bentong, Pahang. Pemilihan sekolah ini sebagai lokasi kajian kerana ia merupakan salah satu Sekolah Berasrama Penuh (SBP) di Pahang yang terletak di Felda Mempaga 1, Bentong. Selain itu, sekolah ini merupakan sekolah rintis bagi program TMUA. Berdasarkan pemerhatian awal, pengkaji mendapati masalah kajian ini terbukti berlaku di sekolah ini dan menepati objektif kajian.

**Populasi dan Persampelan**

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti populasi kajian iaitu 132 orang pelajar-pelajar tingkatan 5 bagi tahun 2019 di Sekolah Menengah Agama Persekutuan Bentong yang terletak di kawasan Mempaga, Karak. Pelajar-pelajar ini adalah subjek dan menjadi fokus kepada populasi kajian ini. Pemilihan kumpulan pelajar ini sebagai populasi kajian kerana ia bersesuaian dengan objektif kajian. Kumpulan pelajar ini merupakan kumpulan pelajar yang paling akhir mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sebelum negara dilanda wabak Covid-19. Pandemik yang berlaku di seluruh dunia ini tidak memungkinkan pengkaji memilih kumpulan pelajar yang mengambil SPM tahun 2020 dan 2021 kerana keadaan pembelajaran yang terganggu dan banyak terkesan dengan wabak ini.

Seterusnya pengkaji telah mengenalpasti rangka persampelan iaitu melibatkan 132 orang pelajar tingkatan 5 bagi tahun 2019 yang terdiri daripada enam buah kelas iaitu 5 Ibnu Arabi seramai 27 orang pelajar, 5 Ibnu Khaldun seramai 25 orang pelajar, 5 Ibnu Majah seramai 17 orangpelajar. 5 Ibnu Nafis seramai 18 orang pelajar, 5 Ibnu Rushd seramai 18 orang pelajar, 5 Ibnu Sinaseramai 27 orang pelajar. Berdasarkan rangka persampelan ini, pengkaji menggunakan teknik pensampelan keberangkalian dalam menentukan sampel yang ingin diambil kerana dapat memberipeluang yang sama kepada setiap populasi untuk dipilih sebagai sampel kajian (Mohamed Berawi,2017). Pengkaji telah memilih persampelan rawak berstrata dalam memilih sampel kajian disebabkan populasi bagi setiap kelas tidak seragam (*heterogenous*) dari segi jantina, bilangan, sosioekonomi dan prestasi akademik (Mohamed Berawi, 2017). Pengkaji telah merujuk penetapansaiiz sampel Krejcie dan Morgan (1970) bagi menentukan saiz sampel yang perlu diambil daripadapopulasi 132 orang. Jumlah sampel yang perlu diambil adalah sebanyak 103 orang dianggap saiz sampel yang sesuai dan wajar.

**Jadual 2: Penetapan Saiz Sampel (Persampelan Rawak Berstrata)**

Bil	Kelas	Populasi	Peratusan saiz sampel	Bilangan sampel (orang)
1.	5 Ibnu Arabi	27	20%	21
2.	5 Ibnu Khaldun	25	19%	20
3.	5 Ibnu Majah	17	13%	13
4.	5 Ibnu Nafis	18	14%	14
5.	5 Ibnu Rushd	18	14%	14
6.	5 Ibnu Sina	27	20%	21

### **Instrumen Kajian**

Pengkaji menggunakan bentuk soalan berstruktur atau soal selidik tertutup dalam mentadbir soal selidik. Pengkaji memilih soal selidik tertutup jenis *dichtomy* bagi soalan berkaitan demografi dan *ordinal-polytomous* bagi soalan berkaitan pemboleh ubah kajian. Pemilihan soal selidik jenis ini kerana responden telah mempunyai maklumat berkaitan perihal yang akan ditanya dan pengkaji juga dapat mengumpulkan maklumat dengan tepat daripada jawapan responden. Tambahan pula responden tidak memerlukan penulisan yang panjang untuk menjawab kerana jawapan telah disediakan dan menjimatkan masa responden. Soal selidik yang ditadbir dalam kajian ini mengandungi lima bahagian iaitu Bahagian A mengandungi 10 item berkaitan maklumat demografi dan latar belakang responden. Bahagian B pula mengandungi 16 item berkaitan tahap penguasaan mata pelajaran *Maha>ra>t al-Qur'a>n* dalam kalangan pelajar. Pengkaji mengadaptasi soal selidik berkaitan tahap penguasaan mata pelajaran *Maha>ra>t al-Qur'a>n*

dalam kalangan pelajar ini daripada kajian Mat (2010). Seterusnya Bahagian C, D dan E mengandungi 6 item bagi setiap bahagian yang meliputi soalan-soalan berkaitan tiga faktor penyumbang penguasaan mata pelajaran *Maha>ra> al-Qur'a* dalam kalangan pelajar. Faktor-faktor ini adalah kemampuan Bahasa Arab, kualiti pengajaran guru dan peranan ibu bapa. Soal selidik bagi ketiga-tiga faktor ini diadaptasi daripada kajian Zahariah (2005). Jumlah item bagi semua soal selidik ini adalah sebanyak 44 item. Skala respon soal selidik yang digunakan dalam soal selidik ini adalah berdasarkan Skala Likert (1932). Pada Bahagian B, responden akan ditanya tahap penguasaan pelajar terhadap sesuatu perkara sama ada sangat baik, baik, sederhana, lemah dan sangat lemah. Manakala Bahagian C, D dan E pula responden akan ditanya tahap kesukaan terhadap sesuatu objek sama ada sangat setuju, setuju, tidak pasti, tidak setuju dan sangat tidak setuju. Rujuk Jadual 3 untuk ringkasan pembinaan soal selidik ini.

**Jadual 3: Ringkasan Instrumen Kajian**

Bahagian	Instrumen	Jumlah	Sumber
A	Demografi	10	
B	Tahap Penguasaan mata pelajaran <i>Maha&gt;ra&gt; al-Qur'a</i> dalam kalangan pelajar	16	Eadil bin Mat (2010)
C	Kemampuan Bahasa Arab	6	Zahariah binti Aiyub (2005)
	Kualiti Pengajaran Guru	6	
	Peranan Ibu Bapa	6	

Soal selidik yang telah dibina ini telah disemak tiga orang pakar rujuk dalam bidang yang berkaitan dan pakar metodologi penyelidikan. Pengkaji telah menghantar soal selidik ini kepada YBrs. Dr. Muhammad Fadly bin Ismail, AMP., Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik UNIPSAS, YBrs. Dr. Safiah binti Abd Razak, Dekan Fakulti Pengajian Islam UNIPSAS, dan YBrs. Dr. Fahmi Zaidi bin Abdul Razak, Pengarah Pusat Pengurusan Siswazah UNIPSAS. Maklum balas daripada mereka telah diambil maklum dan ditambah baik bagi meningkatkan lagi kualiti soal selidik ini. Soal selidik yang telah diluluskan akan melalui fasa kajian rintis terhadap satu kumpulan pelajar yang hampir sama dengan sampel kajian.

### Kajian Rintis

Pengkaji telah menjalankan satu kajian rintis dengan menggunakan instrumen yang telah lengkap disempurnakan. Seramai 30 orang responden yang terdiri daripada pelajar tingkatan 5 Ibnu Sina bagi tahun 2022 di Sekolah Menengah Agama Persekutuan Bentong telah dipilih untuk dijadikan responden bagi kajian rintis ini. Pemilihan kumpulan pelajar ini kerana mereka telah menghabiskan sukatan pelajaran bagi mata pelajaran *Maha>ra> al-Qur'a* dan merupakan pelajar di sekolah yang mana kajian ini dijalankan. Kumpulan pelajar ini mempunyai ciri-ciri yang hampir sama dengan responden sebenar dan sesuai dijadikan pra-uji bagi instrumen ini.

Pengkaji telah memaklumkan kepada kumpulan pelajar ini berkenaan kajian rintis yang akan dijalankan. Mereka telah dikumpulkan dalam satu tempat dan diberikan borang soal selidik yang telah disediakan. Pengkaji telah memberikan masa untuk responden membaca dan menjawab soalan tersebut. Selain itu, pengkaji telah mendapatkan komentar dan maklum balas daripada responden tentang tahap kefahaman mereka terhadap soalan yang diberikan. Hasil dapatan pengkaji, semua responden dapat menjawab soal

selidik ini dengan baik. Responden memberi respon yang baik dalam menjawab soal selidik. Mereka juga menyatakan bahawa mereka tidak menghadapi masalah dalam memahami soalan yang diajukan. Oleh itu pengkaji tidak membuat sebarang penambahbaikan kerana tiada keperluan terhadap perkara tersebut.

## Dapatan Kajian

### Bahagian A: Demografi Responden

Kajian ini menganalisis secara deskriptif profil responden seperti jantina, kelas, pekerjaan ibu dan bapa, pendidikan ibu dan bapa serta pendapatan isi rumah. Pengkaji telah menggunakan dapatan kajian untuk mengetahui profil responden dan item-item kajian tersebut. Analisis deskriptif mendapati responden yang paling ramai adalah daripada kalangan pelajar lelaki iaitu 52% berbanding pelajar perempuan iaitu 48%. Seterusnya berdasarkan pembahagian kelas, responden yang paling ramai adalah daripada kelas 5 Ibnu Khaldun dan 5 Ibnu Sina iaitu masing-masing sebanyak 19%. Ia diikuti 5 Ibnu Arabi sebanyak 18%, 5 Ibnu Nafis sebanyak 16%, 5 Ibnu Majah sebanyak 15% dan 5 Ibnu Rushd sebanyak 13%.

**Jadual 4: Analisis Deskriptif Profil Responden**

	Demografi	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	58	52
	Perempuan	54	48
Kelas	5 Ibnu Arabi	20	18
	5 Ibnu Khaldun	21	19
	5 Ibnu Majah	17	15
	5 Ibnu Nafis	18	16
	5 Ibnu Rushd	15	13
	5 Ibnu Sina	21	19
	Pekerjaan Bapa	Kakitangan Kerajaan	55
Kakitangan Swasta		23	21
Berniaga/ Bekerja Sendiri		21	19
Tidak Bekerja		13	12

Merujuk aspek pekerjaan bapa, majoriti bapa responden adalah kakitangan kerajaan iaitu sebanyak 49% diikuti kakitangan swasta 21%, berniaga atau bekerja sendiri sebanyak 19% dan tidak bekerja seramai 12%. Manakala pekerjaan ibu responden majoriti adalah kakitangan kerajaan iaitu sebanyak 58% diikuti tidak bekerja sebanyak 24%, kakitangan swasta sebanyak 15% dan berniaga atau bekerja sendiri sebanyak 3%. Selain itu, daripada aspek pendidikan bapa responden, majoriti adalah ijazah pertama iaitu sebanyak 43% diikuti ijazah lanjutan sebanyak 21%, SPM 16%, diploma 12%, STPM 6% dan SRP atau PMR ke bawah sebanyak 2%. Manakala daripada aspek pendidikan ibu, majoriti adalah ijazah pertama iaitu sebanyak 46% diikuti ijazah lanjutan 20%, SPM 19%, diploma 9%, STPM 7% dan SRP atau PMR 0%. Seterusnya pengkaji mendapati majoriti pendapatan isi rumah responden adalah RM 10,970 ke atas iaitu sebanyak 41% diikuti RM 4,851 hingga RM 10,970 sebanyak 32%, RM 2,001 hingga RM 4,850 sebanyak 19% dan pendapatan isi rumah responden RM 2,000 ke bawah adalah yang paling sedikit iaitu sebanyak 8%. Rujuk Jadual 4.11 berkenaan analisis deskriptif profil responden.

**Jadual 5: Analisis Deskriptif Profil Responden (Sambungan)**

	Demografi	Kekerapan	Peratus (%)
Pekerjaan Ibu	Kakitangan Kerajaan	65	58
	Kakitangan Swasta	17	15
	Berniaga/ Bekerja Sendiri	3	3
	Tidak Bekerja	27	24
Pendidikan Bapa	Ijazah Lanjutan	24	21
	Ijazah Pertama	48	43
	Diploma	13	12
	STPM	7	6
	SPM	18	16
	SRP / PMR ke bawah	2	2
Pendidikan Ibu	Ijazah Lanjutan	22	20
	Ijazah Pertama	51	46
	Diploma	10	9
	STPM	8	7
	SPM	21	19
	SRP / PMR ke bawah	0	0
Pendapatan	RM 2,000 ke bawah	9	8
	RM 2,001 hingga RM 4,850	21	19
Isi Rumah	RM 4,851 hingga RM 10,970	36	32
	RM 10,970 ke atas	46	41

### Bahagian B: Tahap Penguasaan Mata Pelajaran *Maharati al-Qur'an* Dalam Kalangan Pelajar

Mata pelajaran *Maharati al-Qur'an* mempunyai beberapa komponen di dalamnya. Komponen *Tilawah* mempunyai dua item yang mana dapatan kajian keseluruhannya mendapati nilai min adalah  $M=4.29$ ; dengan sisihan piawai  $SD=0.69$  dan ini mengesahkan bahawa responden dapat menguasai komponen *Tilawah* dalam mata pelajaran *Maharati al-Qur'an* kerana tahap penguasaan responden berada pada tahap baik. Hal ini mungkin disebabkan komponen *Tilawah* adalah berkaitan kemahiran membaca *al-Qur'an* dan pelajar memang telah menguasainya. Rujuk Jadual 6 berkenaan analisis deskriptif komponen *Tilawah*.

**Jadual 6:** Analisis Deskriptif Komponen *Tilawah*

Pemboleh ubah	Min dan sisihan piawai item kajian		
	Item	<i>M</i>	<i>SD</i>
Penguasaan <i>Maharati al-Qur'an</i> ( <i>Tilawah</i> )	1. Saya mampu membaca ayat <i>Tilawah</i> bermula surah <i>az-Zumar</i> hingga <i>al-Mursala</i> secara bertajwid dengan tunjuk ajar guru.	4.49	0.62
	2. Saya mampu membaca ayat <i>Tilawah</i> bermula surah <i>az-Zumar</i> hingga <i>al-Mursala</i> secara bertajwid tanpa tunjuk ajar guru.	4.09	0.75
Keseluruhan		4.29	0.69

Komponen *Tajwid* pula mempunyai empat item yang dapatan kajian keseluruhannya mendapati nilai min adalah  $M=3.53$ ; dengan sisihan piawai  $SD=0.80$  dan ini menunjukkan tahap penguasaan responden

terhadap komponen *Tajwid* dalam mata pelajaran *Maharat al-Qur'an* berada pada tahap yang sederhana. Tahap penguasaan responden terhadap pengertian *Sifat al- huruf* adalah paling lemah. Hal ini menunjukkan responden tidak menguasai komponen ini dengan baik. Rujuk Jadual 7 berkenaan analisis deskriptif komponen *Tilawah*.

**Jadual 7: Analisis Deskriptif Komponen Tajwid**

		Min dan sisihan piawai item kajian	
Pemboleh ubah	Item	<i>M</i>	<i>SD</i>
Penguasaan <i>Maha&gt;ra&gt;t al- Qur'a&gt;n (Tajwi&gt;d)</i>	1. Saya mampu menjelaskan pengertian <i>Makha&gt;rij al-h}juru&gt;f</i> , bilangan <i>al-h}juru&gt;f al- hija&gt;i'yyah</i> , pandangan ulama terhadap bilangan <i>Makha&gt;rij al-h}juru&gt;f</i> dan pembahagiannya.	3.58	0.77
	2. Saya mampu menjelaskan pengertian <i>Sifa&gt;t al-h}juru&gt;f</i> , pandangan ulama terhadap bilangannya, faedah mempelajarinya, sifat berlawanan dan sifat tunggal.	3.34	0.80
	3. Saya mampu menerangkan <i>al-Waqf</i> dan <i>al-Ibtida&gt;'</i> .	3.67	0.78
	4. Saya mampu mengaplikasi bacaan <i>H{afs T{ari&gt;q as-Sya&gt;tibiyyah</i> .	3.53	0.86
Keseluruhan		3.53	0.80

Komponen seterusnya adalah *Rasm Uthmani* yang mana dapatan kajian keseluruhannya mendapati nilai min adalah  $M=3.29$ ; dengan sisihan piawai  $SD=0.78$  dan ini juga membuktikan tahap penguasaan responden terhadap komponen *Rasm Uthmani* dalam mata pelajaran *Maharat al-Qur'an* juga berada pada tahap yang sederhana. Responden mempunyai tahap penguasaan yang paling rendah bagi item *Qawa'id Rasm Uthmani*. Rujuk Jadual 8 berkenaan analisis deskriptif komponen *Rasm Uthmani*.

**Jadual 8: Analisis Deskriptif Komponen Rasm Uthmani**

		Min dan sisihan piawai item kajian	
Pemboleh ubah	Item	<i>M</i>	<i>SD</i>
	1. Saya mampu menjelaskan <i>Maba&gt;di' Ilmu Rasm Uthmani</i> .	3.31	0.76

Penguasaan <i>Maha&gt;ra&gt;t al-Qur'a&gt;n</i> ( <i>Rasm Uthma&gt;ni</i> )	2. Saya mampu menerangkan <i>Ta&gt;ri&gt;kh Kita&gt;bah al-Qur'a&gt;n</i> .	3.32	0.80
	3. Saya mampu membahaskan <i>Qawa'id Rasm Uthma&gt;ni</i> .	3.24	0.77
	Keseluruhan	3.29	0.78

Komponen *Manhaj* dan Amali *Qira>a>t* pula mempunyai tujuh item yang mana dapatan kajian keseluruhannya mendapati nilai min adalah  $M=4.29$ ; dengan sisihan piawai  $SD=0.69$  dan ini membuktikan tahap penguasaan responden terhadap komponen *Manhaj* dan Amali *Qiraat* dalam mata pelajaran *Maha>ra>t al-Qur'a>n* berada pada tahap yang sederhana. Responden paling menguasai bacaan *Qira>t al-Ima>m 'A<sim* dan paling kurang menguasai bacaan *Qiraat al-Imam Ibn 'Amir* berbanding bacaan *qira>t* yang lain. Rujuk Jadual 9 dan Jadual 10 berkenaan analisis deskriptif komponen *Manhaj* dan Amali *Qiraat*.

**Jadual 9: Analisis Deskriptif Komponen *Manhaj* dan Amali *Qira>a>t***

Pemboleh ubah	Min dan sisihan piawai item kajian		
	Item	<i>M</i>	<i>SD</i>
Penguasaan <i>Maha&gt;ra&gt;t al-Qur'a&gt;n</i> ( <i>Manhaj</i> dan Amali <i>Qira&gt;a&gt;t</i> )	1. Saya mampu mengaplikasi bacaan <i>Qira&gt;t al-Ima&gt;m Na&gt;ji'</i> dan perawinya.	3.53	0.81
	2. Saya mampu mengaplikasi bacaan <i>Qira&gt;t al-Ima&gt;m Ibn Kathi&gt;</i> dan perawinya.	3.43	0.87
	3. Saya mampu mengaplikasi bacaan <i>Qira&gt;t al-Ima&gt;m Abu&gt; 'Amr</i> dan perawinya.	3.37	0.87
	4. Saya mampu mengaplikasi bacaan <i>Qira&gt;t al-Ima&gt;m Ibn 'Amir</i> dan perawinya.	3.31	0.92
	5. Saya mampu mengaplikasi bacaan <i>Qira&gt;t al-Ima&gt;m 'A&lt;sim</i> dan perawinya.	3.71	0.98

**Jadual 10: Analisis Deskriptif Komponen *Manhaj* dan Amali *Qira>a>t* (Sambungan)**

Pemboleh ubah	Min dan sisihan piawai item kajian		
	Item	<i>M</i>	<i>SD</i>
Penguasaan <i>Maha&gt;ra&gt;t al-Qur'a&gt;n</i> ( <i>Manhaj</i> dan Amali <i>Qira&gt;a&gt;t</i> )	6. Saya mampu mengaplikasi bacaan <i>Qira&gt;t al-Ima&gt;m H{amzah</i> dan perawinya.	3.36	0.87
	7. Saya mampu mengaplikasi bacaan <i>Qira&gt;t al-Ima&gt;m Kisa&gt;'i</i> dan perawinya.	3.36	0.87
Keseluruhan		3.44	0.88

Berdasarkan hasil analisis data kajian di atas, pengkaji mendapati tahap penguasaan bagi komponen *Tajwi>d*, *Manhaj* dan Amali *Qira>t* serta *Rasm Uthmani* pada tahap sederhana. Hanya item *Tila>wah* berada pada tahap penguasaan baik.

Bahagian C: Faktor Kemampuan Bahasa Arab, Kualiti Pengajaran Guru dan Peranan IbuBapa

## Faktor Kemampuan Bahasa Arab

Pemboleh ubah kemampuan Bahasa Arab mempunyai enam item yang mana nilai item yang paling tinggi adalah item pertama iaitu nilai min  $M=4.09$ ; dengan sisihan piawai  $SD=0.73$ . Hal ini diikuti item kedua dengan nilai min  $M=3.82$ ; dengan sisihan piawai  $SD=0.76$ , item kelima dengan nilai min  $M=3.72$ ; dengan sisihan piawai  $SD=0.82$ , item keempat dengan nilai min  $M=3.69$ ; dengan sisihan piawai  $SD=0.77$ , dan item ketiga dengan nilai min  $M=3.30$ ; dengan sisihan piawai  $SD=0.83$ . Manakala nilai item yang paling rendah adalah item yang keenam iaitu nilai min  $M=2.95$ ; dengan sisihan piawai  $SD=1.14$ . Item ini mendapat nilai min yang paling rendah kerana pernyataan ini bersifat negatif. Namun begitu, nilai sisihan piawai menunjukkan nilai yang besar.

Dapatan kajian menunjukkan responden hanya mampu membaca dan menulis dalam Bahasa Arab dengan baik. Namun responden tidak pasti dengan pernyataan yang lain. Hal ini menunjukkan responden mempunyai kemampuan Bahasa Arab yang sederhana dalam menguasai *Maha>ra>t al-Qur'a>n*. Selain itu, nilai sisihan piawai item yang keenam agak besar menunjukkan banyak titik data yang jauh daripada min. Dapatan ini menunjukkan terdapat sebahagian dalam kalangan responden yang merasakan bahawa mata pelajaran *Maha>ra>t al-Qur'a>n* sukar kerana mereka tidak mahir Bahasa Arab manakala sebahagian yang lain menolak kenyataan ini. Rujuk Jadual 11 berkenaan analisis deskriptif faktor kemampuan Bahasa Arab.

**Jadual 11:** Analisis Deskriptif Faktor Kemampuan Bahasa Arab

Pemboleh ubah	Min dan sisihan piawai item kajian		
	Item	<i>M</i>	<i>SD</i>
Kemampuan Bahasa Arab	1. Saya mampu membaca dan menulis dalam Bahasa Arab.	4.09	0.73
	2. Saya dapat memahami mata pelajaran <i>Maha&gt;ra&gt;t al-Qur'a&gt;n</i> ini dengan baik walaupun proses pengajaran dan pembelajarannya menggunakan Bahasa Arab.	3.82	0.76
	3. Saya mampu untuk menerangkan isi kandung <i>Maha&gt;ra&gt;t al-Qur'a&gt;n</i> dalam Bahasa Arab.	3.30	0.83
	4. Saya mampu untuk mengaplikasi kefahaman <i>Maha&gt;ra&gt;t al-Qur'a&gt;n</i> dalam peperiksaan dengan menggunakan Bahasa Arab.	3.69	0.77
	5. Saya mudah untuk membuat rujukan menggunakan buku teks <i>Maha&gt;ra&gt;t al-Qur'a&gt;n</i> walaupun ia dalam Bahasa Arab.	3.72	0.82
	6. Mata pelajaran <i>Maha&gt;ra&gt;t al-Qur'a&gt;n</i> sukar kerana saya tidak mahir Bahasa Arab.	2.95	1.14
	Keseluruhan	3.60	0.84

## Faktor Kualiti Pengajaran Guru

Pemboleh ubah kualiti pengajaran guru mempunyai enam item yang mana nilai item yang paling tinggi adalah item keempat iaitu nilai min  $M=4.25$ ; dengan sisihan piawai  $SD=0.69$ . Hal ini diikuti item pertama iaitu nilai min  $M=4.14$ ; dengan sisihan piawai  $SD=0.78$ , item kedua iaitu nilai min  $M=4.13$ ; dengan sisihan piawai  $SD=0.80$ , item keenam iaitu nilai min  $M=4.06$ ; dengan sisihan piawai  $SD=0.77$ , item kelima iaitu nilai min  $M=3.90$ ; dengan sisihan piawai  $SD=0.81$ , dan item yang paling rendah adalah item yang ketiga

iaitu nilai min  $M=3.32$ ; dengan sisihan piawai  $SD=1.12$ . Item ketiga ini mempunyai nilai min yang paling rendah kerana ia bersifat negatif namun begitu nilai sisihan piawai menunjukkan nilai yang besar.

Dapatan kajian menunjukkan responden bersetuju dengan semua pernyataan berkaitan kualiti pengajaran guru kecuali item kelima dan ketiga. Ini menunjukkan kualiti pengajaran guru berada pada tahap yang baik berdasarkan maklum balas responden. Guru telah menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran yang menarik, mempelbagaikan strategi pengajaran, mengadakan perbincangan dalam kalangan pelajar, dan melibatkan pelajar dalam pengajaran. Namun begitu, kawalan intonasi suara guru berada pada tahap sederhana kerana responden tidak pasti dengan pernyataan ini. Selain itu, responden tidak bersetuju dengan pernyataan guru *Maha>ra>t al-Qur'a>n* mengajar menggunakan buku teks sahaja namun serakan data agak jauh daripada min. Hal ini kerana nilai sisihan piawai item yang ketiga agak besar dan menunjukkan banyak titik data yang jauh daripada min. Rujuk Jadual 12 berkenaan analisis deskriptif faktor kualiti pengajaran guru.

**Jadual 12: Analisis Deskriptif Faktor Kualiti Pengajaran Guru**

		Min dan sisihan piawai item kajian	
Pemboleh ubah	Item	<i>M</i>	<i>SD</i>
Kualiti Pengajaran Guru	1. Saya berminat belajar <i>Maha&gt;ra&gt;t al-Qur'a&gt;n</i> kerana kaedah pengajaran guru yang menarik.	4.14	0.78
	2. Guru <i>Maha&gt;ra&gt;t al-Qur'a&gt;n</i> saya selalu mempelbagaikan strategi pengajarannya dengan menggunakan Alat Bantu Mengajar yang kreatif.	4.13	0.80
	3. Guru <i>Maha&gt;ra&gt;t al-Qur'a&gt;n</i> saya mengajar menggunakan buku teks sahaja.	3.32	1.12
	4. Guru <i>Maha&gt;ra&gt;t al-Qur'a&gt;n</i> saya selalu mengadakan aktiviti perbincangan dalam kumpulan.	4.25	0.69
	5. Saya suka penyampaian guru <i>Maha&gt;ra&gt;t al-Qur'a&gt;n</i> saya kerana intonasi suaranya yang memukau.	3.90	0.81
	6. Guru <i>Maha&gt;ra&gt;t al-Qur'a&gt;n</i> sentiasa menggalakkan saya memberikan pendapat semasa proses pengajaran dan pembelajaran.	4.06	0.77
Keseluruhan		3.97	0.83

### Faktor Peranan Ibu Bapa

Pemboleh ubah peranan ibu bapa mempunyai enam item yang mana nilai item yang paling tinggi adalah item keenam iaitu nilai min  $M=4.10$ ; dengan sisihan piawai  $SD=0.99$ . Hal ini diikuti item kelima iaitu nilai min  $M=4.00$ ; dengan sisihan piawai  $SD=0.92$ , item keempat iaitu nilai min  $M=3.44$ ; dengan sisihan piawai  $SD=1.20$ , item pertama iaitu nilai min  $M=3.33$ ; dengan sisihan piawai  $SD=1.05$ , item kedua iaitu nilai min  $M=3.33$ ; dengan sisihan piawai  $SD=1.20$ , dan item yang paling rendah ialah item ketiga iaitu nilai min  $M=2.66$ ; dengan sisihan piawai  $SD=1.21$ .

Dapatan kajian menunjukkan sisihan piawai bagi item-item peranan ibu bapa ini kebanyakannya

melebihi 1.00. Hal ini menunjukkan terdapat serakan titik-titik data yang agak jauh daripada min. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa ibu bapa kurang memberikan galakan kepada anak-anak, kurang memantau pembelajaran anak-anak semasa di rumah dan kurang memainkan peranan dalam membantu anak-anak menguasai mata pelajaran *Maha>ra>t al-Qur'a>n*. Rujuk Jadual 13 berkenaan analisis deskriptif faktor peranan ibu bapa.

**Jadual 13:** Analisis Deskriptif Faktor Peranan Ibu Bapa

Pemboleh ubah	Min dan sisihan piawai item kajian		M	SD
	Item			
Peranan Ibu Bapa	1.	Saya berminat belajar <i>Maha&gt;ra&gt;t al-Qur'a&gt;n</i> atas galakan ibu bapa saya.	3.33	1.05
	2.	Ibu bapa akan menegur atau memarahi saya jika saya mendapat markah rendah atau gagal dalam mata pelajaran <i>Maha&gt;ra&gt;t al-Qur'a&gt;n</i> .	3.33	1.20
	3.	Ibu bapa sering menyemak buku latihan <i>Maha&gt;ra&gt;t al-Qur'a&gt;n</i> saya di rumah.	2.66	1.21
	4.	Ibu bapa selalu mengingatkan saya supaya mengulangkaji mata pelajaran <i>Maha&gt;ra&gt;t al-Qur'a&gt;n</i> .	3.44	1.20
	5.	Saya selalu mendapat sokongan ibu bapa dan keluarga ketika belajar di rumah.	4.00	0.92
	6.	Saya belajar <i>al-Qur'a&gt;n</i> daripada ibu bapa saya.	4.10	0.99
Keseluruhan			3.46	1.00

### Pengujian Hipotesis

Ujian kesignifikan antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah bebas dijalankan berdasarkan laporan ANOVA (*analysis-of-variance*) dengan menerima atau menolak hipotesis nul ( $H_0$ ). Ujian ini adalah dengan membandingkan nilai  $P$  (*Probability value*) bagi nilai statistik  $t$  Sig.2-tailed (signifikan dua sisi) yang mana nilai  $P$  hendaklah lebih kecil daripada 0.05 (Mohamed Berawi, 2017). Berdasarkan hipotesis pertama iaitu terdapat hubungan positif antara kemampuan Bahasa Arab dengan penguasaan mata pelajaran *Maha>ra>t al-Qur'a>n*, hasil analisis menunjukkan nilai  $t=2.38$ , nilai  $P=0.02$  dan nilai  $\beta=0.22$ . Pengkaji mendapati wujud hubungan yang positif dan signifikan antara kemampuan Bahasa Arab dengan penguasaan mata pelajaran *Maha>ra>t al-Qur'a>n* justeru hipotesis ini disokong.

Hipotesis kedua iaitu terdapat hubungan antara kualiti pengajaran guru dengan penguasaan mata pelajaran *Maha>ra>t al-Qur'a>n*, hasil analisis menunjukkan nilai  $t=1.30$ , nilai  $P=0.19$  dan nilai  $\beta=0.13$ . Pengkaji mendapati tidak wujud hubungan yang positif dan signifikan antara kualiti pengajaran guru dengan penguasaan mata pelajaran *Maha>ra>t al-Qur'a>n* kerana nilai  $P$  lebih besar daripada 0.05 ( $P > 0.05$ ). Oleh itu, hipotesis yang kedua ini ditolak.

Hipotesis yang ketiga iaitu terdapat hubungan antara peranan ibu bapa dengan penguasaan mata pelajaran *Maha>ra>t al-Qur'a>n*, hasil analisis menunjukkan nilai  $t=3.26$ , nilai  $P=0.01$  dan nilai  $\beta=0.32$ . Pengkaji mendapati wujud hubungan yang positif dan signifikan antara peranan ibu bapa dengan penguasaan mata pelajaran *Maha>ra>t al-Qur'a>n*. Selain itu, nilai  $\beta$  bagi pemboleh ubah inipaling tinggi menunjukkan hubungan yang paling signifikan berbanding pemboleh ubah yang lain. Oleh itu, hipotesis yang ketiga ini diterima. Rujuk Jadual 14 berkenaan keputusan pengujian hipotesis.

**Jadual 14: Keputusan Pengujian Hipotesis**

	Hipotesis	Nilai $\beta$	Nilai t	Nilai p	Keputusan
H1	Terdapat hubungan positif antara kemampuan Bahasa Arab dengan penguasaan mata pelajaran <i>Maharat al-Qur'an</i> .	0.22	2.38	0.02	Disokong
H2	Terdapat hubungan antara kualiti pengajaran guru dengan penguasaan mata pelajaran <i>Maharat al-Qur'an</i> .	0.13	1.30	0.19	Tidak disokong
H3	Terdapat hubungan antara peranan ibu bapa dengan penguasaan mata pelajaran <i>Maharat al-Qur'an</i> .	0.32	3.26	0.01	Disokong

## Perbincangan

### Apakah Tahap Penguasaan Mata Pelajaran *Maharat al-Qur'an*

Dapatan kajian menunjukkan daripada empat komponen yang ada dalam mata pelajaran *Maharat al-Qur'an* iaitu *Tilawah*, *Tajwid*, *Rasm Uthmani*, *Manhaj* dan Amali *Qiraat*, hanya komponen *Tilawah* yang menunjukkan tahap penguasaan yang baik manakala selebihnya hanya pada tahapsederhana. Responden hanya mempunyai pengetahuan yang banyak berkaitan komponen *Tilawah* yang melibatkan kemahiran aras rendah. Manakala responden mengetahui sebahagian sahaja berkaitan *Tajwid*, *Rasm Uthmani*, *Manhaj* dan Amali *Qiraat*. Responden paling kurangmengetahui berkenaan komponen *Rasm Uthmani* diikuti komponen *Manhaj* dan Amali *Qiraat* seterusnya komponen *Tajwid*. Oleh itu, pengkaji telah menyimpulkan bahawa tahap penguasaanmata pelajaran *Maharat al-Qur'an* dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama Persekutuan Bentong adalah pada tahap sederhana.

### Apakah Faktor Penyumbang Penguasaan Bagi Mata Pelajaran *Maharat al-Qur'an*

Merujuk kepada Teori Produktiviti Pendidikan Walberg (1984), pengkaji mendapati terdapat tigafaktor utama yang telah dikenal pasti iaitu kemampuan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar, kualiti pengajaran guru dan peranan ibu bapa. Dapatan kajian bagi faktor kemampuan Bahasa Arabdalam kalangan pelajar menyatakan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kemampuanBahasa Arab dengan penguasaan mata pelajaran *Maharat al-Qur'an* dalam kalangan pelajar. Dapatan kajian ini menyokong hipotesis pertama kajian yang menyatakan dapatan nilai  $\beta$  sebanyak 0.22, ( $p < 0.05$ ). Hal ini membuktikan bahawa faktor kemampuan Bahasa Arab merupakan satu faktor yang menyumbang kepada penguasaan mata pelajaran *Maharat al-Qur'an* dalam kalangan pelajar.

Dapatan kajian bagi faktor kualiti pengajaran guru menyatakan bahawa tiada hubunganyang signifikan antara kualiti pengajaran guru dengan penguasaan mata pelajaran *Maharat al-Qur'an* dalam kalangan pelajar. Hal ini kerana dapatan kajian tidak menyokong hipotesis kedua disebabkan nilai  $P$  lebih besar daripada 0.05 ( $P > 0.05$ ) (Mohamed Berawi, 2017). Berdasarkanapatan ini, pengkaji mendapati bahawa kualiti pengajaran guru tidak memberikan kesan yangsignifikan terhadap penguasaan mata pelajaran *Maharat al-Qur'an* dalam kalangan pelajar. Dapatan kajian bagi faktor peranan ibu bapa menyatakan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara peranan ibu bapa dengan penguasaan mata pelajaran *Maharat al-Qur'an* dalam kalangan pelajar. Dapatan kajian ini disokong hipotesis kajian ketiga yang mana dapatanmenyatakan nilai  $\beta$  sebanyak 0.32, ( $p < 0.05$ ). Hal ini membuktikan bahawa faktor

peranan ibubapa merupakan satu faktor yang menyumbang kepada penguasaan mata pelajaran *Maharat al-Qur'an* dalam kalangan pelajar.

Kesimpulannya, pengkaji mendapati daripada tiga faktor yang dikemukakan, hanya dua faktor sahaja yang mempunyai hubungan yang signifikan terhadap penguasaan mata pelajaran *Maharat al-Qur'an* dalam kalangan pelajar. Faktor yang mempunyai hubungan yang signifikan adalah faktor kemampuan Bahasa Arab dan faktor peranan ibu bapa. Manakala faktor kualiti pengajaran guru tidak menunjukkan hubungan yang signifikan dan tidak menyumbang kepada penguasaan mata pelajaran *Maharat al-Qur'an* dalam kalangan pelajar.

### **Sejauh Mana Faktor Penyumbang Mempengaruhi Penguasaan Mata Pelajaran *Maharat al-Qur'an***

Merujuk kepada hasil dapatan kajian, bagi faktor kemampuan Bahasa Arab nilai  $\beta$  adalah 0.22, faktor kualiti pengajaran guru nilai  $\beta$  adalah 0.13 dan faktor peranan ibu bapa nilai  $\beta$  adalah 0.32. Berdasarkan dapatan tersebut, pengkaji merumuskan bahawa antara tiga faktor yang dinyatakan dalam kajian ini, faktor peranan ibu bapa merupakan faktor yang paling kuat menyumbang kepada penguasaan mata pelajaran *Maharat al-Qur'an* dalam kalangan pelajar. Hal ini kerana faktor peranan ibu bapa mempunyai nilai  $\beta$  yang paling besar berbanding dua faktor yang lain.

Selain itu, merujuk kepada dapatan kajian ini berkenaan faktor kualiti pengajaran guru, ia menyumbang paling sedikit kepada penguasaan mata pelajaran *Maharat al-Qur'an* dalam kalangan pelajar. Hal ini kerana nilai  $\beta$  bagi pemboleh ubah ini paling rendah dan ini menunjukkan kemungkinan terdapat kelemahan atau kekurangan dalam kualiti pengajaran guru sehingga ia tidak dapat menyumbang kepada penguasaan mata pelajaran *Maharat al-Qur'an* dalam kalangan pelajar. Pengkaji juga tidak menolak kemungkinan terdapat faktor lain seperti faktor motivasi dan persekitaran lain yang memerlukan perincian yang khusus (Ismail & Othman, 2012).

Seterusnya faktor kemampuan Bahasa Arab mempunyai hubungan yang sederhana dalam menyumbang kepada penguasaan mata pelajaran *Maharat al-Qur'an* dalam kalangan pelajar. Hal ini kerana nilai  $\beta$  bagi pemboleh ubah ini berada pada kedudukan di antara faktor peranan ibu bapa dan faktor kualiti pengajaran guru.

### **Kesimpulan**

Secara umumnya, hasil analisis kajian menyatakan bahawa tahap penguasaan mata pelajaran *Maharat al-Qur'an* dalam kalangan pelajar di Sekolah Menengah Agama Persekutuan Bentong (SUPERB) adalah pada tahap sederhana. Mata pelajaran ini mempunyai empat komponen utama bagi sukatan pelajaran SPM iaitu *Tilawah*, *Tajwid*, *Rasm Uthmani*, *Manhaj* dan *Amali Qiraat*. Berdasarkan hasil kajian, responden mempunyai pengetahuan yang banyak pada komponen *Tilawah* sahaja manakala responden mempunyai sebahagian sahaja pengetahuan terhadap baki komponen iaitu *Tajwid*, *Rasm Uthmani*, *Manhaj* dan *Amali Qiraat*. Komponen yang paling kurang penguasaan pelajar adalah komponen *Rasm Uthmani* diikuti komponen *Manhaj* dan *Amali Qiraat* seterusnya komponen *Tajwid*.

Selain itu, hasil kajian juga mendapati bahawa hanya dua daripada tiga faktor sahaja signifikan terhadap penguasaan mata pelajaran *Maharat al-Qur'an* dalam kalangan pelajar. Pengkaji telah mengemukakan tiga faktor iaitu kemampuan Bahasa Arab, kualiti pengajaran guru dan peranan ibu bapa yang menyumbang kepada penguasaan mata pelajaran *Maharat al-Qur'an* dalam kalangan pelajar. Namun

begitu, dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor kemampuan Bahasa Arab dan peranan ibu bapa sahaja yang signifikan dalam menyumbang kepada penguasaan mata pelajaran *Maha>ra>t al-Qur'a>n* dalam kalangan pelajar. Manakala faktor kualiti pengajaran guru tidak signifikan menyumbang kepada penguasaan mata pelajaran tersebut.

Seterusnya, berdasarkan dapatan kajian, pengkaji mendapati daripada tiga faktor yang dikemukakan dalam kajian ini, faktor peranan ibu bapa paling kuat mempengaruhi penguasaan mata pelajaran *Maha>ra>t al-Qur'a>n* dalam kalangan pelajar. Hal ini diikuti faktor kemampuan Bahasa Arab dan faktor kualiti pengajaran guru.

Oleh itu, pengkaji berharap agar hasil kajian ini dapat memberikan nilai dan sumbangan dalam dunia penyelidikan agar ia dapat meningkatkan kualiti pendidikan di Malaysia terutamanya bidang pendidikan tahfiz.

## Rujukan

- Arshad, A. M. (2015). Ulasan sistematik: Program ulul albab dalam sistem pendidikan di Malaysia. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(4), 22–35.
- BPI, K. P. M. (2015). *Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz*. KPM. <https://www.moe.gov.my/en/pemberitahuan/announcement/>
- Daud, Z. (2015). *Penilaian pelaksanaan kurikulum qiraat di Darul Quran dan ma'ahad tahfiz Al-Qur'an di Malaysia/Zainora binti Daud*. University of Malaya.
- Haron, M. Z., Othman, M. K. H., & Awang, M. I. (2019). Keperluan penilaian pelaksanaan kurikulum tahfiz model ulul albab (TMUA) sekolah menengah Kementerian Pendidikan Malaysia. *Practitioner Research*, 1, 289–316.
- Hashim, A., & Tamuri, A. H. (2012). Persepsi pelajar terhadap kaedah pembelajaran tahfiz al- Quran di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 4(2), 1–10.
- Hornby, A. S. (2000). *Oxford advanced learner's dictionary of current English*.
- Ismail, M. F., & Othman, M. S. (2012). Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam pengajaran & pembelajaran bahasa Arab: Satu tinjauan di SMAP Kajang. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab, 2012*(2012), 173–189.
- Jahidin, N. Z., & Mat, H. (2011). Future Islamic studies curriculum and its instruction: A glimpse at Al Amin Integrated Islamic Curriculum (AAIIC). *Oasis International Conference on Islamic Education (OICIE2014)*, Kuala Lumpur. Retrieved from <Http://Www.Alamineduoasis.Com.My/Index.Php/En/e-Proceeding>.
- Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Negeri Perlis. (2017). *Dapatan Pemeriksaan Penarafan Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) tahun 2017*.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610.
- Long, A. S. (2016). *Metodologi penyelidikan pengajian Islam*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- LPM. (2018). *Laporan Analisis Keputusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia Tahun 2018*. [http://lp.moe.gov.my/images/bahan/spm/2019/14032019/Laporan Analisis Keputusan SPM 2018 - Upload.pdf](http://lp.moe.gov.my/images/bahan/spm/2019/14032019/Laporan_Analisis_Keputusan_SPM_2018_-_Upload.pdf)

- LPM. (2019). *Laporan Analisis Keputusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia Tahun 2019*. <https://www.moe.gov.my/muat-turun/laporan-dan-statistik/lp/3324-laporan-analisis-keputusan-spm-2019>
- LPM. (2020). *Laporan Analisis Keputusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia Tahun 2020*. <https://www.moe.gov.my/en/pemberitahuan/announcement/laporan-analisis-keputusan-peperiksaan-sijil-pelajaran-malaysia-2020>
- LPM. (2021). *Laporan Analisis Keputusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 2021*. [http://lp.moe.gov.my/files/spm/2022/Laporan Analisis Keputusan SPM 2021.pdf](http://lp.moe.gov.my/files/spm/2022/Laporan%20Analisis%20Keputusan%20SPM%202021.pdf)
- Mat, E. (2010). *Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an (KKQ): kajian kaedah pelaksanaan dan keberkesannya di sekolah-sekolah menengah (SMK) di daerah Gombak, Selangor/Eadil bin Mat*. University of Malaya.
- Mohamed Berawi, F. (2017). *Metodologi Penyelidikan: Panduan Menulis Tesis* (3rd ed.).Universiti Utara Malaysia.
- Mohamed, N. (2012). *Program Ulul Albab Suatu Proses Tranformasi Pendidikan Malaysia:Kajian Kes Sekolah Menengah Imtiaz*. Terengganu.
- Nawi, N. H. M., & Salleh, N. H. (2017). Pembinaan model pengajian Tahfiz di Malaysia. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 5(1), 1–11.
- Rahim, M. M. A., & Hashim, A. (2017). Pendekatan pengajaran dalam kalangan pensyarah tahfizal-Quran di Malaysia. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 9(3), 79–88.
- Simon, K. (2005). Kepentingan Pengajian Tahfiz al-Quran Terhadap Masyarakat Pada Masa Kini. *Skudai: Pusat Pengajian Islam Dan Pembangunan Sosial Universiti Teknologi Malaysia*.
- Yusoff, Z. M. Y. H. M., Ahmad, N., Yussuf, A., Norasid, M. A., Amir, S., Bamba, A., Yusoff, M.Z. W., & Sulaiman, S. (2016). Memperkasa Generasi Penghafaz Al-Quran. *Perpustakaan Negara Malaysia*.
- Zahariah, A. (2005). *Faktor-faktor yang mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam/Zahariah Aiyub*. University of Malaya.